

BAB 11

# PENERBITAN




## PENERBITAN

Pada tahun 2020, Penerbit UniMAP telah menerbitkan sebanyak 12 judul buku bercetak bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta ilmu kepada masyarakat umum. Penerbit UniMAP juga sentiasa memastikan kecemerlangan penyelidikan berterusan melalui penerbitan 13 isu jurnal pada tahun 2020. Selain itu, Penerbit UniMAP juga menguruskan terbitan khas seperti buku program, poster, banting dan brosur. Jumlah keseluruhan bahan terbitan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 48 bahan terbitan.


Jadual 15: Statistik Penerbitan Tahun 2019-2020

JENIS PENERBITAN	2019	2020
Buku	12	12
Jurnal	13	13
Modul Pengajaran	-	-
Modul Makmal	-	-
e-Book	10	-
e-Proceeding	1	1
Lain-lain	46	22
<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>48</b>

Rajah 4: Peratusan Perbandingan Penulisan Buku Ilmiah (bercetak) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Bagi Tahun 2020



Rajah 5: Bilangan Penerbitan Buku Ilmiah Mengikut Tahun dari 2006-2020




SENARAI BUKU YANG DITERBITKAN TAHUN 2020



**Dinamika Minda Baharu: Keusahawanan dan Kemanusiaan**  
 ISBN: 978-967-0922-83-6  
 Editor: Khairunnisak Ahmad Shakir, Shuhairimi Abdullah Azahari Ramli dan Muhammad Shukri Bakar



**AUTOCAD and BIM: Advance Technology for Construction Industry**  
 ISBN 978-967-0922-85-0  
 Zul-Atfi Ismail



**Green Infrastructure: Materials and Techniques**  
 ISBN 978-967-0922-90-4  
 Editor: Nor Hayati Abdul Hamid, Ahmad Kamil Arshad, Muhd Norhasri Muhd Sidek dan Shamilah Anudai @ Anuar



**Tadbir Urus Koperasi di Malaysia**  
 ISBN 978-967-0922-88-1  
 Shafawaty Mohamad Shabri dan Ram Al Jaffri Saad



**Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan Dan Kebangsaan**  
 ISBN 978-967-0922-87-4  
 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain



**Keusahawanan Islam di Malaysia**  
 ISBN 978-967-0922-95-9  
 Shuhairimi Abdullah dan Solahuddin Abdul Hamid



**Terasa Tapi Tak Berbisa**  
 ISBN 978-967-0922-84-3  
 Huzili Hussin



**The Changing Marketing Landscape in Malaysia: Opportunities and Challenges for Consumers and Marketers**  
 ISBN 978-967-0922-89-8  
 Editor: Mohammad Iranmanesh dan Shaizatulaqma Kamalul Ariffin



**Dari Sinar Mata: Membongkar Kisah Teladan Penyakit Mata**  
 ISBN 978-967-0922-86-7  
 Editor: Samiron Rahmat @ Nurimas SN dan Mushawiahti Mustapha



**Pantun Pak Nazel: Lisan Diperi Setulus Nubari**  
 ISBN 978-967-0922-92-8  
 Nazel Hashim Mohamad



**Membina Bakat Kreatif**  
 ISBN 978-967-0922-94-2  
 Zurinah Hassan



**Sorotan Sejarah Perlis: Pengasasan, Pengukuhan Institusi dan Warisan**  
 ISBN 978-967-0922-93-5  
 Editor: Nasha Rodziadi Khaw, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz dan Nazarudin Zainun



## BENGKEL PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU 'BIOGRAFI DYTM RAJA MUDA PERLIS'



Penerbit UniMAP telah mengadakan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Buku 'Biografi DYTM Raja Muda Perlis' pada 5 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Penerbit UniMAP. Penerbitan buku 'Biografi DYTM Raja Muda Perlis' ini adalah kerjasama Penerbit UniMAP dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bengkel diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut lagi tentang kerjasama antara dua institusi di samping membincangkan teknik penulisan bagi menghasilkan manuskrip yang berkualiti yang boleh mendapat

pasaran lebih luas di pasaran luar. Bengkel dihadiri oleh En. Shah Rizal Azwan Ghazali, Editor Kanan daripada Bahagian Editorial Buku, DBP, penulis buku, iaitu Dato' Wan Ahmad Fauzi Wan Husain dan En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz.

## PERBINCANGAN KERJASAMA PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU 'BIOGRAFI DYTM RAJA MUDA PERLIS' DENGAN DBP

Penerbit UniMAP telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak DBP untuk menerbitkan terbitan bersama Buku 'Biografi DYTM Raja Muda Perlis'. En. Shah Rizal Azwan Ghazali, Editor Kanan daripada Bahagian Editorial Buku, DBP hadir ke Penerbit UniMAP sebagai wakil daripada pihak DBP untuk perbincangan awal penerbitan buku berkenaan.



## TAKLIMAT PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU ILMIAH



Sesi taklimat Penulisan dan Penerbitan Buku Ilmiah kepada staf akademik PPK Alam Sekitar telah diadakan pada 11 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat PPK Alam Sekitar. Taklimat tersebut merangkumi proses penerbitan yang diamalkan dalam pengurusan penerbitan di Penerbit UniMAP. Ketua Penerbit UniMAP, En. Zulhillizan Othman menyampaikan taklimat mengenai kategori dan jenis penerbitan kepada kira-kira 20 staf akademik. Turut hadir ialah dua orang editor dari Penerbit, iaitu Pn. Zamimi Abd. Manaf dan

Pn. Norhanim Hashim. Selain itu, peserta juga diberi taklimat mengenai maklumat dan trend semasa pemasaran buku ilmiah. Pada sesi taklimat berkenaan, peserta turut didedahkan dengan teknik penulisan bagi menghasilkan manuskrip yang berkualiti, antaranya bagaimana menghasilkan judul-judul terkini yang boleh mendapat pasaran lebih luas. Taklimat ini diharapkan dapat membantu para staf akademik bagi meningkatkan kefahaman dalam penulisan dan penerbitan buku khususnya.





PERBINCANGAN PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU DENGAN SASTERAWAN NEGARA, DATO' ZURINAH HASSAN



Penerbit UniMAP telah mengadakan perbincangan dengan Sasterawan Negara, Dato' Zurinah Hassan untuk bekerjasama menerbitkan buku dengan Penerbit UniMAP. Buku yang diberi judul 'Membina Bakat Kreatif' merupakan satu usaha baik yang mana menceritakan secara khusus mengenai panduan menulis puisi, sajak serta pantun. Diharapkan dengan kerjasama penerbitan buku ini, UniMAP dapat menimba pengalaman berkarya daripada Dato' Zurinah Hassan yang memberikan teknik-teknik untuk menulis penulisan-penulisan yang berbentuk kreatif ini.

ANUGERAH PENERBITAN BUKU



Buku terbitan Penerbit UniMAP yang berjudul Kedudukan Wakil Rakyat dalam Sistem Berparlimen di Malaysia telah dipilih sebagai antara 22 karya terbaik bagi kategori dewasa daripada 349 pencalonan dalam Anugerah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2020. Sejumlah 22 judul terbaik telah dipamerkan di Pameran Maya Anugerah PNM 2020.

## PEMASARAN DAN PENJUALAN BAHAN TERBITAN

Sepanjang tahun 2020, hasil jualan bahan yang diperoleh adalah sebanyak RM98,205.51. Penerbit UniMAP mencatatkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya, dan peningkatan ini dibantu oleh hasil melalui perkhidmatan pemprosesan artikel jurnal sebagai salah satu sumber penajaan kewangan kepada penerbitan dan beberapa faktor yang lain.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia pada tahun ini, penyertaan tahunan Penerbit UniMAP ke pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia, tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka. Rangkaian pemasaran Penerbit UniMAP lebih tertumpu kepada operasi jualan secara dalam talian (online) antaranya di LAZADA, SHOPEE dan e-Sentral.


Bagi meningkatkan jualan bahan terbitan, promosi Penerbit UniMAP dibuat melalui laman sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, laman web rasmi Penerbit dan yang terkini, melalui aplikasi TikTok yang boleh diklasifikasikan sebagai satu kaedah pemasaran yang efektif pada masa kini. Inisiatif ini sedikit sebanyak dilihat dapat membantu Penerbit UniMAP menyantuni generasi muda dengan lebih dekat. Kaedah ini turut menyumbang kepada peningkatan pengikut di laman sosial dan penjualan bahan terbitan.

Walaupun aktiviti agak terhad susulan dari pandemik ini, Penerbit UniMAP telah menjalinkan kerjasama Penulisan dan Penerbitan Buku dengan beberapa institusi luar, antaranya, University College Tati (UC TATI), DBP, Malaysian Technical University Network (MTUN) dan kerjasama penulisan buku bersama sasterawan negara. Pada tahun ini, Penerbit UniMAP berpeluang untuk bekerjasama dengan Sasterawan Negara, Dato' Zurinah Hassan, yang karya beliau sentiasa dinanti dan mempunyai kelompok peminatnya yang tersendiri. Pengalaman ini memberi peluang kepada Penerbit UniMAP untuk lebih maju dan turut memberi nilai tambah kepada Penerbit UniMAP untuk lebih dikenali di peringkat yang lebih tinggi.

Rajah 6: Hasil Jualan Buku Mengikut Bulan Bagi Tahun 2020



Rajah 7: Hasil Jualan Penerbit UniMAP Bagi Tahun 2006-2020



Rajah 8: Hasil Jualan Buku dari Rangkaian Pemasaran di Penerbit UniMAP Tahun 2020

